

KERATAN AKHBAR

| | |
|--------|---|
| TARIKH | : 19 JUN 2023 |
| AKHBAR | : BERITA HARIAN |
| PAUTAN | : https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1116558/akta-omnibus-bantu-pengurusan-data-lebih-baik-rafizi |

Akta Omnibus bantu pengurusan data lebih baik – Rafizi



Rafizi ketika menghadiri sidang Dewan Negara hari ini. Foto Bernama

PUTRAJAYA – Bilangan kekosongan jawatan diiklarkan dalam talian mencatatkan peningkatan 3.5 peratus iaitu 211,509 kekosongan pada suku tahun pertama 2023 (ST1 2023) berbanding 204,420 pada suku tahun ke empat tahun lalu (ST4 2022).

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan membentangkan Akta Omnibus di Dewan Rakyat bagi membolehkan perkongsian data antara semua agensi kerajaan menerusi sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata akta berkenaan perlu memandangkan sistem PADU menjadi sistem pengumpulan data bersepadu yang lebih mudah diurus berbanding sistem pengumpulan data sedia ada.

"Akta Omnibus ini bukan saja akan memastikan (keselamatan) perkongsian data itu, malah ia memudahkan proses perkongsian data itu menjadi satu mandat yang mengikut undang-undang demi menjamin PADU ini satu pangkalan data berterusan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator E Aknan mengenai sama ada kerajaan bercadang mengadakan satu akta dalam memastikan sistem PADU dapat digunakan sepenuhnya oleh kementerian dan agensi.

Pada 15 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersetuju menubuhkan PADU bagi menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah di negara ini bagi mempermudah pelaksanaan subsidi bersasar.

Rafizi berkata, pangkalan data yang lebih bersepadu bermakna keselamatan data lebih selamat kerana data pada masa ini diurus secara berbeza di setiap kementerian, menyebabkan sistem sekarang dan pengurusan tidak dapat disatukan.

"Sistem yang besar dan bersepadu seperti itu akan membolehkan kerajaan membina kepakaran dan langkah keselamatan siber yang lebih baik daripada pecah di beberapa tempat," katanya menjawab soalan tambahan Senator Datuk Noraini Idris mengenai langkah keselamatan sistem PADU yang diambil kerajaan bagi mengelakkan data peribadi individu digodam. – BERNAMA